



## LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA)

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

|                          |  |
|--------------------------|--|
| <b>1. JAWATAN</b>        | <b>: PEREKA (GRED B5)</b>  |
| TARAF JAWATAN            | : Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan Kontrak (interim) |
| KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : Bakat & Seni   |
| SKIM PERKHIDMATAN        | : Pereka   |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN    | : Pelaksana  |
| PENEMPATAN               | <b>: IBU PEJABAT, TOURISM MALAYSIA</b>                             |
| KEPERLUAN BIDANG         | : Teknologi Multimedia   |

### 2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis (hasil kerja/portfolio) serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,650.00**); atau

Memiliki salah satu daripada kelayakan tersebut di bawah;

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual** pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,650.00**);
  - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,650.00**);
  - (iv) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,731.00**);
  - (v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,812.00**);
  - (vi) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: **RM1,893.00**).
- d) Mempunyai **pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang teknologi multimedia**.
  - e) Berkemahiran menggunakan perisian **Adobe Premier Pro, Final Cut Pro dan Da Vinci Resolve**.
  - f) Calon hendaklah mengemukakan **satu (1) portfolio kerja penyuntingan / penerbitan video** yang pernah dihasilkan.
  - g) Mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dan mampu bekerja di bawah tekanan serta penyeliaan yang minimum.

### 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **4. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab untuk:

- a) Membantu penyediaan video promosi bagi laman web rasmi Tourism Malaysia, laman web Korporat dan pelbagai platform pengiklanan promosi.
- b) Membantu menyunting video-video promosi pelancongan.
- c) Membantu menyediakan video-video pendek menggunakan video footages.
- d) Membantu penyediaan video infografik.
- e) Membantu penyediaan video montaj promosi pelancongan.
- f) Membantu penyuntingan video untuk bahagian-bahagian lain yang memerlukan

#### **5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON**

- a) Permohonan adalah **secara dalam talian** melalui ***HR Management System***. Berikut adalah panduan bagi memohon :
  - (i) Log in dipautan;  
<https://hr.tourism.gov.my/apps/recruitment/registration>
  - (ii) Daftar pengguna > tetapkan kata laluan > aktifkan akaun (semak e-mel untuk link pengaktifan akaun) > pilih menu *Public Login*
  - (iii) Log masuk > pilih menu *Resume* > lengkapkan *Resume* > memuat naik dokumen-dokumen berdasarkan senarai semak yang dikemukakan
  - (iv) Pilih jawatan yang ingin dimohon
- b) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan **gambar pasport terkini. Selain daripada gambar pasport tidak dibenarkan**.
- c) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/index.cfm>**
- d) Tarikh tutup permohonan ialah pada **20 Disember 2024 (Jumaat)**.

## **6. CATATAN AM**

- a) Calon yang berjaya melepassi **tapisan kelayakan** akan dimaklumkan **secara rasmi**.
- b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada [pelantikan@tourism.gov.my](mailto:pelantikan@tourism.gov.my)

\*\*\*\*\* SEKIAN, TERIMA KASIH \*\*\*\*\*

## SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah **memuat naik** dokumen-dokumen berikut (**diakui sah benar oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**) mengikut susunan berikut:

| BIL | PERKARA  | ADA / TIADA | CATATAN |
|-----|--|-------------|---------|
| 1   | Salinan Kad Pengenalan<br><br>(Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “ <b>KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA</b> ”)                             |             |         |
| 2   | Salinan Sijil Kelahiran  |             |         |
| 3   | Salinan <b>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</b>  |             |         |
| 4   | Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM   |             |         |
| 5   | Salinan Sijil Tamat Persekolahan <b>Menengah</b>   |             |         |
| 6   | Salinan STPM/Sijil Matrikulasi KPM/Diploma Kemahiran Malaysia/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia/Diploma dan Transkrip Akhir ( <i>mana yang berkenaan</i> ) |             |         |
| 7   | Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Diploma yang diberikan oleh badan <b>pendidikan swasta</b> ( <i>sekiranya berkenaan</i> )                                |             |         |
| 9   | Gambar Pasport terkini   |             |         |
| 10  | Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau kurikulum yang difikirkan terbaik  |             |         |
| 11  | Sijil Digital Vaksinasi Covid-19   |             |         |

**ARAHAN:**

- a) Ke semua dokumen di atas hendaklah dimuat naik semasa permohonan dibuat.